




JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

BERITA DAN ISU SEMASA IMPAK COVID-19 KEPADA EKONOMI

RUJUKAN: 28 – 30 SEPTEMBER 2021

BIL. 43 / 2021



RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 30 September 2021 **kumulatif kes sembah bertambah kepada 2,054,824** atau 91.5 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **164,633 kes yang masih aktif**. **Kes baharu** dicatatkan sebanyak **12,735 kes** dan seterusnya menjadikan jumlah jangkitan positif mencecah kepada **2,245,695 kes**. Sementara itu, **kes harian tertinggi** direkodkan pada 26 Ogos 2021 dengan **24,599 kes**. Penularan tempatan meliputi **99.9 peratus** atau **12,718 kes** daripada catatan harian dengan **93.1 peratus dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan warganegara Malaysia** manakala **kes import berjumlah 17 kes**. Kawasan Lembah Klang **mendominasi kumulatif kes positif** dengan menyumbang **38.7 peratus**, Wilayah Malaysia Timur (18.6 peratus), Zon Utara (16.5 peratus), Zon Selatan (15.6 peratus) dan Zon Pantai Timur (10.5 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** diterajui menerusi catatan **di Sarawak** iaitu **2,487 kes** disusuli Selangor (1,940 kes), Johor (1,241 kes), Kelantan (1,232 kes), Sabah (993 kes), Pulau Pinang (763 kes) dan Perak (913 kes). Sejumlah **26,235 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **192 kematian terbaru** sementara **rekod tertinggi kematian** adalah **592 kes** yang dicatatkan pada 11 September 2021.
- 1.2 Sementara itu, perkembangan terkini statistik **Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan** sehingga 29 September 2021 menunjukkan seramai **23,369,913** telah **divaksinasi bagi dos pertama**. Di peringkat negeri, **Selangor menerajui** bilangan yang telah divaksinasi iaitu **4,288,094** diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan 2,878,513. Antara negeri-negeri yang turut mencatatkan bilangan penerima yang tinggi adalah Johor (2,656,819), Sabah (2,199,211), Sarawak (2,044,994), Perak (1,657,208) dan Kedah (1,404,359). Secara keseluruhannya, jumlah pemberian vaksin bagi program vaksinasi dos pertama dan kedua telah mencecah 42.5 juta dos.
- 1.3 Krisis kesihatan yang berpanjangan turut mencetuskan ketidaktentuan ekonomi di dalam mahupun luar negara. Senario ini digambarkan menerusi beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily dan pelbagai sumber lain. Butiran terkini pasaran ekonomi antarabangsa adalah seperti berikut:
 - USA: **Pinjaman perniagaan untuk peralatan meningkat 21 peratus pada Ogos 2021.** *Equipment Leasing and Finance Association* (ELFA) melaporkan, sebanyak USD8.5 bilion pinjaman baharu telah

didaftarkan pada bulan lalu, naik dari USD7 bilion pada tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, pinjaman jatuh 14 peratus dari bulan sebelumnya. (Reuters)

- EU: **Keyakinan pengguna Itali meningkat pada bulan September.** Hasil tinjauan Istat menunjukkan Indeks Keyakinan Pengguna meningkat kepada 119.6 pada September dari 116.2 pada Ogos. Indeks Keyakinan Sektor Pembuatan menurun kepada 113.0 pada bulan September daripada 113.2 pada bulan sebelumnya manakala Indeks Sentimen Ekonomi meningkat kepada 143.6 pada bulan September daripada 132.4 pada bulan sebelumnya. (RTT)
- EU: **Sentimen Pembuatan France semakin perlahan pada September**, disumbangkan oleh penurunan ketara dalam penilaian pengeluaran masa lepas, pesanan luaran dan jangkaan pengeluaran. INSEE melaporkan Indeks Keyakinan Perniagaan menyusut kepada 106 pada bulan September dari 110 pada bulan Ogos. (RTT)
- UK: **Pertumbuhan penjualan runcit perlahan ke paras terendah 6 bulan pada bulan September.** Pertumbuhan yang lebih rendah ini dilaporkan setelah permintaan yang kuat pada bulan-bulan musim panas serta peniaga menjangkakan pemulihan pada bulan Oktober walaupun masalah rantaian bekalan meningkat. Tinjauan Perdagangan Edaran Bulanan *Confederation of British Industry* menunjukkan Jualan Utama Bersih peruncit jatuh ke +11 pada September dari +60 pada Ogos, tahap terendah sejak Mac 2021. (Reuters)
- UK: **Bank of England (BoE) meramalkan inflasi melebihi 4 peratus dan mengisyaratkan polisi monetari yang lebih ketat pada masa hadapan.** Bank of England mengekalkan kadar faedah utamanya pada tahap rendah dan pelonggaran kuantitatif tidak berubah. Walau bagaimanapun, pasaran menetapkan kenaikan kadar tahun hadapan setelah bank memberi amaran bahawa inflasi akan mencapai puncak melebihi 4 peratus pada musim sejuk ini. Kenyataan terbaharu dari BoE menunjukkan bahawa pengetatan polisi sudah hampir. (RTT)
- SINGAPORE: **Inflasi perlahan kepada 2.4 peratus pada bulan Ogos berbanding 2.5 peratus pada bulan sebelumnya**, mencerminkan pertumbuhan harga pengangkutan swasta yang lebih rendah. Menurut Monetary Authority of Singapore dan Ministry of Trade and Industry, pertumbuhan ini mencerminkan inflasi pengangkutan swasta yang lebih rendah, yang lebih daripada mengimbangi kenaikan inflasi teras. Kos pengangkutan persendirian meningkat pada kadar yang lebih

perlahan sebanyak 10.8 peratus, sebahagian besarnya disebabkan oleh kenaikan harga kereta yang lebih kecil dan penurunan kos perkhidmatan pengangkutan swasta yang lain. (RTT)

- TAIWAN: **Pesanan eksport meningkat lebih tinggi pada bulan Ogos 2021 (Ogos: 17.6 peratus, tahun-ke-tahun).** Pesanan terhadap produk mineral meningkat 112.4 peratus (tahun-ke-tahun) pada bulan Ogos dan pesanan untuk peralatan pengangkutan meningkat 42.4 peratus. Tempahan untuk produk kimia, plastik dan barang daripadanya; getah dan barang daripadanya masing-masing meningkat sebanyak 56.1 peratus dan 45.3 peratus. (RTT)
- SOUTH KOREA: **Harga pengeluar meningkat 0.4 peratus (bulan-ke-bulan) pada bulan Ogos** berbanding kenaikan 1.0 peratus pada bulan sebelumnya. Pada asas perbandingan tahun-ke-tahun, harga pengeluar melonjak 7.3 peratus, sedikit perlahan daripada kenaikan 7.4 peratus pada bulan sebelumnya. (RTT)
- THAILAND: **Penjualan kereta merosot ke paras terendah 15 bulan pada Ogos berikutan penularan pandemik COVID-19.** Penjualan kereta domestik Thailand merosot 38.8 peratus pada Ogos kepada 42,176 kenderaan, tahap terendah dalam 15 bulan, selepas penurunan 11.6 peratus (tahun-ke-tahun) pada Julai 2021. (Reuters)

2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. **Harga minyak mentah dunia mengikut harga Brent melonjak** pada Selasa untuk mencatatkan **lebih US\$80** buat kali pertamanya dalam hampir tiga tahun berdasarkan **jangkaan permintaan yang melonjak** dan **kebimbangan bekalan** setelah dunia secara perlahan-lahan kembali daripada krisis pandemik.
2. **Prestasi perdagangan Malaysia meningkat** pada bulan Ogos, disokong oleh **permintaan luaran yang menggalakkan untuk cip semikonduktor** serta **pengukuhan harga minyak** menurut Moody's Analytics. Lebihan perdagangan negara mengembang kepada RM21.4 bilion pada bulan Ogos daripada RM13.7 bilion pada bulan Julai. Ini dipacu oleh peningkatan eksport yang menokok 18.4 peratus tahun ke tahun, sementara import meningkat 12.5 peratus tahun ke tahun.
3. **China akan menyumbangkan satu juta dos vaksin COVID-19 CoronaVac (Sinovac)** tambahan kepada **Malaysia** atas **dasar persahabatan** yang mendalam antara kedua-dua negara dan sesama rakyat. China menunjukkan solidariti dengan Malaysia dengan **menyumbangkan bekalan peralatan perubatan** seperti topeng pelitup muka, peralatan pelindung diri (PPE) dan ventilator, selain menghantar sepasukan pakar kesihatan dari Guangzhou untuk berkongsi pengalaman dan amalan terbaik dalam rawatan pesakit dan pengurusan data.
4. Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof memaklumkan sebanyak **RM18 bilion** adalah **anggaran kerugian dalam tempoh PKP 3.0** yang bermula pada 1 Jun 2021 sehingga September 2021, sementara bakinya **RM24 bilion** merupakan **kerugian** daripada pelaksanaan **PKP 1.0** pada 2020 yang **menjejaskan pelaksanaan kerja pembinaan daripada Mac hingga Julai 2020**.
5. **Prestasi keseluruhan sektor pelancongan di semua negeri tahun lalu menurun** secara ketara khususnya dari segi jumlah ketibaan pelawat dan perbelanjaan. Berdasarkan Survei Pelancongan Domestik 2020 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah **ketibaan pelawat menurun** sebanyak **44.9 peratus**, manakala jumlah **perbelanjaan** pula merosot **sehingga 60.8 peratus**.
6. Berdasarkan dapatan Akaun Satelit Pelancongan 2020 yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), lebih **100,000 individu dalam sektor pelancongan hilang pekerjaan tahun lalu**. Menerusi data tersebut, **guna tenaga pelancongan pada 2020** mencatatkan seramai **3.5**

juta orang, iaitu **penyusutan** sebanyak **2.9 peratus** berbanding 3.6 juta orang guna tenaga pada 2019. Data guna tenaga dalam industri pelancongan tersebut merangkumi 34.5 peratus dalam sektor makanan dan minuman (F&B), 33.4 peratus dalam sektor peruncitan dan 17.4 peratus dalam perkhidmatan khusus pelancongan negara.

7. Prestasi **sektor perniagaan mula pulih** menjelang suku kedua 2021 berikutan **pelonggaran sekatan pergerakan**, menurut Bank Negara Malaysia (BNM). Berdasarkan Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Pertama 2021, jumlah **syarikat yang berisiko telah berkurang** daripada kadar tertinggi sebelum ini yang dicatatkan pada 2020.
8. Untuk **mendorong pemilik perniagaan runcit** baru dan sedia ada bagi menyertai **e-dagang dan digitalisasi**, "Start It Up, Laz It Up" akan memberi **hadiyah** kepada seorang penerima bertuah bernilai US \$10,000 untuk membantu **memulakan perniagaan mereka di Lazada** sebagai persiapan festival membeli-belah mega terbesar di Lazada 11.11.
9. **Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)** telah **meluluskan 4.98 juta permohonan i-Citra** setakat 31 Ogos lalu, membabitkan kadar pengeluaran berjumlah **RM20.58 bilion**. Menurut Menteri Kewangan, daripada jumlah tersebut sebanyak RM4.71 bilion atau 23 peratus daripada kadar telah diluluskan, sudah dikreditkan kepada pemohon.
10. **Peralihan negeri-negeri di Lembah Klang** (Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor) daripada **fasa 2 kepada fasa 3 mulai 1 Oktober** ini. Peralihan fasa ini dibuat setelah mengambil kira penilaian risiko semasa oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).
11. **Harga runcit petrol RON95 dan diesel**, masing-masing **kekal** pada kadar RM2.05 dan RM2.15 seliter manakala harga runcit petrol **RON97 naik satu sen seliter** kepada RM2.76 mulai 30 September hingga 6 Oktober 2021. **KPDNHEP memaklumkan kerajaan akan terus memantau kesan perubahan harga minyak mentah dunia serta mengambil langkah bersesuaian bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat terus terpelihara.**
12. **Penjelasan** mengenai vaksin COVID-19 harus **diberikan kepada remaja atau pelajar sekolah secara berterusan** supaya mereka lebih **prihatin** mengenai **pencegahan penyakit** dalam menekang penularan wabak COVID-19 terhadap golongan tersebut.

13. Kerajaan digesa segera **mewujudkan mahkamah khas jenayah seksual** membabitkan **kanak-kanak di setiap negeri** bagi melindungi hak golongan itu yang menjadi mangsa jenayah.
14. Program **Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB)** yang sedang dilaksanakan dijangka akan mampu **meningkatkan pengeluaran padi beras negara** ke tahap lebih tinggi berbanding SSL pada ketika ini iaitu 70 peratus pengeluaran dan 30 peratus.
15. Aktiviti **perladangan kelapa sawit** di Malaysia amat **memerlukan guna tenaga asing** berikutan terdapat kekurangan 75 ribu pekerja asing sejak tahun lalu. Hal ini disebabkan **pembekuan bagi pengambilan pekerja asing** semenjak Perintah Kawalan Pergerakan 1.0 pada 18 Mac 2020.
16. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) **menyasarkan 130 penyelidik bagi setiap 10 ribu tenaga buruh** menjelang 2025 melalui pelaksanaan **Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12)**. Nisbah semasa merekodkan terdapat 50 penyelidik bagi setiap 10,000 tenaga buruh yang mana 70 peratus sedang berkhidmat di universiti.
17. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) akan memastikan rantaian sektor pelancongan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dalam tempoh pelaksanaan RMKe-12. Pekerjaan **tidak hanya tertumpu kepada kumpulan B40**, malah akan **meningkatkan taraf hidup kumpulan M40**. MOTAC akan meneroka peluang untuk penduduk di kawasan pedalaman yang berpotensi menjadi tempat eco-pelancongan dengan menyediakan peluang pekerjaan sebagai pemandu pelancong.

A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 29 September 2021 <i>(Non-essential)</i>	RM2.6 juta bantu 189 usahawan mikro Jawatankuasa Tabung Usahawan Negeri Sembilan (TUNS) Plus sudah meluluskan permohonan pembiayaan kepada 189 usahawan mikro di negeri itu, membabitkan jumlah dana lebih RM2.6 juta, setakat ini. Sebanyak 119 permohonan baharu diluluskan semalam, membabitkan jumlah dana RM1.7 juta.	https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2021/09/870184/rm26-juta-bantu-189-usahawan-mikro
2.	The Star 29 September 2021 <i>(Essential)</i>	Dr Wee: Malaysian Airlines flew cargo only flights to make up for losses during pandemic Malaysia Airlines Berhad has taken the initiative to use its planes to provide cargo services which are known as the Passenger-to-Cargo (P2C), which utilises the cargo belly of the plane. Aside from that, MAB also operates Cargo-In-Cabin (CIC), where cargo is placed in the overhead stowage compartments, closets and under the seats of passengers.	https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/09/29/dr-wee-malaysian-airlines-flew-cargo-only-flights-to-make-up-for-losses-during-pandemic
Penemuan penting & isu:			
1. Jawatankuasa Tabung Usahawan Negeri Sembilan (TUNS) Plus telah meluluskan permohonan pembiayaan kepada 189 usahawan mikro di negeri itu, membabitkan jumlah dana lebih RM2.6 juta, setakat ini. Skim TUNS Plus adalah pinjaman mudah tanpa faedah sehingga RM15,000 dengan jangkaan pinjaman untuk dibayar balik dalam tempoh maksima lima tahun.			

2. Pada tahun 2020, Malaysia Airlines Berhad (MAB) telah mengendalikan sejumlah 1,612 penerbangan *Passenger-to-Cargo* (P2C) dan *Cargo-In-Cabin* (CIC). Sehingga Julai 2021, sebanyak 2,033 penerbangan P2C dan CIC telah dikendalikan oleh syarikat tersebut.

Maklumbalas Bahagian:

1. Skim TUNS Plus yang diwujudkan bagi membantu usahawan mikro mengembangkan perniagaan diharap dapat memberikan sinar kepada golongan terlibat. Pembiayaan berjumlah RM2.6 juta itu dijangka dapat meningkatkan aliran tunai perniagaan mikro, seterusnya membantu menjana semula ekonomi negeri itu.
2. Berikutan kawalan sempadan negara, syarikat penerbangan negara telah menggunakan alternatif lain bagi memastikan aliran tunai yang kukuh sepanjang pelaksanaan PKP. Berdasarkan perubahan peratusan dari suku tahun sebelumnya, sektor pengangkutan dan penyimpanan mencatatkan pertumbuhan negatif 5.2 peratus pada ST2 2021 (ST1 2021: -3.0%).

B. Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit			
1.	New Straits Times 28 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Lazada launches "Start It Up, Laz It Up"</p> <p>Lazada Malaysia chief operating officer Darren Rajaratnam, in the first six months of this year, it had welcomed 30 per cent more sellers from various backgrounds and industries.</p> <p>Over the first six months of 2021, Lazada saw new seller sign-ups increase over two times across Southeast Asia, compared to the year before. In addition, the first-ever bi-annual digital confidence index released by Lazada in August 2021 found 70 per cent of Southeast Asia's online sellers were optimistic about their future</p>	https://www.nst.com.my/business/2021/09/731654/lazada-launches-start-it-laz-it

		growth and prospects for the third quarter of 2021.	
2.	Sinar Harian 29 September 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Kerajaan salur RM19.96 juta kepada 818 PKS mikro</p> <p>Kerajaan menyalurkan bantuan bernilai RM19.96 juta kepada 818 perusahaan kecil dan sederhana serta mikro menerusi Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI) setakat 20 Ogos, 2021 bagi tujuan pemerkasaan perniagaan.</p> <p>Program tersebut telah diberi peruntukan RM20 juta, iaitu RM5 juta daripada Belanjawan 2021 manakala RM15 juta lagi daripada Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI).</p>	https://www.sinarharian.com.my/article/164220/BERITA/Nasional/Kerajaan-salur-RM1996-juta-kepada-818-PKS-mikro
3.	Kosmo Online 29 September 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Segmen kereta terpakai kembali aktif</p> <p>Pengarah Urusan Kumpulan, David Chan Wee Kiang optimis terhadap sayap perniagaan sewa belinya, Southern Auto Capital Sdn. Bhd. (Southern Auto) akan menyumbang hasil kepada kumpulan seiring dengan peralihan Melaka kepada Pelan Pemulihian Negara fasa dua.</p> <p>Pandemik telah menyebabkan peningkatan dalam perniagaan kereta terpakai ekoran masyarakat agak sensitif terhadap perbelanjaan.</p>	https://www.kosmo.com.my/2021/09/29/segmen-kereta-terpakai-kembali-aktif/

4.	Kosmo Online 29 September 2021 <i>(Essential)</i>	Lembah Klang, Melaka beralih ke fasa 3 mulai 1 Oktober Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik yang bermesyuarat hari ini bersetuju untuk membenarkan peralihan negeri-negeri di Lembah Klang (Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor) daripada fasa 2 kepada fasa 3 mulai 1 Oktober ini. Majlis rasmi kerajaan dan swasta termasuklah perasmian dan bengkel, dibenarkan di negeri fasa 2 dan fasa 3, dengan syarat tetamu telah menerima dos vaksinasi lengkap dan kapasiti 50 peratus ruang premis, manakala 100 peratus kapasiti penuh bagi fasa 4.	https://www.malaysiakini.com/news/593354
5.	Kosmo Online 30 September 2021 <i>(Essential)</i>	Gangguan rantaian bekalan faktor harga barang naik Kajian oleh Penganalisis Ekonomi dan Pensyarah Kanan Putra Business School, Prof. Madya Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff, sebelum pandemik, pengusaha kedai runcit ada lebih banyak pilihan pembekal yang dapat menawarkan pelbagai jenis barang pada harga kompetitif. Gangguan ini boleh berlaku pada peringkat pengeluar atau pembekal yang mungkin terpaksa gulung tikar atau terkait kes COVID-19 membuatkan peruncit terpaksa mendapatkan bekalan daripada pembekal lain pada harga tinggi.	https://www.kosmo.com.my/2021/09/30/gangguan-rantaian-bekalan-faktor-harga-barang-naik/

6.	<p>The Star 30 September 2021 <i>(Non-Essential)</i></p>	<p>MR DIY expands reach with 35 new stores in October</p> <p>MR DIY Group Bhd will open 35 new stores in seven states across the country in October.</p> <p>The new stores will comprise 14 MR DIY, three MR DIY Express, six MR TOY and 12 MR DOLLAR stores, bringing the total number of stores across the group to 830. Buying patterns have changed where consumers are shopping closer to home, and also looking for stores that can meet their need for a diverse range of products, which is something we do very well with our 830 stores and close to 20,000 product types.</p>	<p>https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/09/30/mr-diy-expands-reach-with-35-new-stores-in-oct</p>
B. Subsektor Kesihatan			
7.	<p>Berita Harian 29 September 2021 <i>(Essential)</i></p>	<p>Pembaharuan kesihatan perlu dibuat sekarang</p> <p>Sistem perkhidmatan kesihatan negara wajar diberikan pembaharuan bagi menangani isu peningkatan kos perubatan dan kemampuan kewangan rakyat.</p> <p>Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Dr Koh Kar Chai, berkata pandemik COVID-19 yang melanda negara sejak Januari tahun lalu banyak memberikan iktibar berhubung keperluan melakukan transformasi perkhidmatan kesihatan.</p>	<p>https://www.bharin.com.my/berita/nasional/2021/09/870211/pembaharuan-sistem-kesihatan-perlu-dibuat-sekarang</p>

8.	Thesundaily 29 September 2021 <i>(Essential)</i>	Poser over high charges at private medical facilities Medical treatment is expensive, whether it is at a public hospital or a private facility. The only difference is that a patient has to pay at a private hospital while the government foots the bill at public hospitals, according to the Association of Private Hospitals Malaysia (APHM). "Medicare is a huge expense for the government. Billions of ringgits are spent on equipment and manpower at public hospitals," Kuljit told theSun. He was commenting on a claim by Wangsa Maju MP Datin Paduka Tan Yee Kew that a COVID-19 patient had been slapped with a RM400,000 bill after being warded at a private hospital.	https://www.thesundaily.my/local/poser-over-high-charges-at-private-medical-facilities-MK8408934
C. Subsektor Penginapan			
9.	Kosmo 30 September 2021 <i>(Essential)</i>	Jumlah pelancongan di semua negeri menurun tahun lalu Prestasi keseluruhan sektor pelancongan di semua negeri tahun lalu menurun secara ketara khususnya dari segi jumlah ketibaan pelawat dan perbelanjaan. Berdasarkan Survei Pelancongan Domestik 2020 yang dikeluarkan hari ini, jumlah ketibaan pelawat menurun sebanyak 44.9 peratus manakala, jumlah perbelanjaan pula merosot sehingga 60.8 peratus.	https://www.kosmo.com.my/2021/09/30/jumlah-pelancongan-di-semua-negeri-menurun-tahun-lalu/

		Ketua Perangkawan Malaysia Datuk Seri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, penyusutan itu disebabkan oleh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara tahun lalu.	
10.	Utusan Malaysia 29 September 2021 (Essential)	<p>Sarawak buka semua sektor pelancongan dengan SOP ketat</p> <p>Sarawak membuka semula sektor pelancongan domestiknya bermula 1 Oktober dengan penetapan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat.</p> <p>Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Sarawak Datuk Abdul Karim Rahman Hamzah berkata pembukaan pelancongan domestik negeri itu diharap dapat menggerakkan semula industri pelancongan yang terjejas terus sejak pandemik COVID-19 melanda negara dua tahun lepas.</p>	https://www.utusan.com.my/alam/2021/09/sarawak-buka-semua-sektor-pelancongan-dengan-sop-ketat/
11.	Berita Harian 29 September 2021 (Essential)	<p>Jumlah hilang pekerjaan antara fokus Dewan Rakyat hari ini</p> <p>Jumlah individu yang kehilangan pekerjaan sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), antara persoalan yang bakal dibangkitkan pada persidangan Dewan Rakyat, hari ini.</p> <p>Menurut Aturan Urusan Mesyuarat persidangan Dewan Rakyat, perkara itu terkandung dalam sesi pertanyaan bagi jawab lisan yang akan diajukan Su Keong Siong (PH-Kampar)</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/870086/jumlah-hilang-pekerjaan-antara-fokus-dewan-rakyat-hari-ini

		<p>kepada Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya.</p> <p>Keong Siong turut bertanya mengenai langkah kerajaan dalam membantu golongan yang hilang pekerjaan, terutamanya sektor pelancongan, hotel dan industri makanan dan minuman (F&B) untuk mendapat kembali pekerjaan masing-masing.</p>	
12.	Berita Harian 29 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>100,000 dalam industri pelancongan hilang kerja</p> <p>Pelaksanaan sekatan pergerakan bagi membendung penularan COVID-19 memberi impak langsung kepada pelbagai segmen ekonomi termasuk pelancongan apabila lebih 100,000 individu dalam sektor itu hilang pekerjaan tahun lalu.</p> <p>Timbalan Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr Santhara Kumar, berkata ia berdasarkan dapatan Akaun Satelit Pelancongan 2020 yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).</p> <p>Berdasarkan data itu, katanya guna tenaga pelancongan pada 2020 mencatatkan seramai 3.5 juta orang, iaitu penyusutan sebanyak 2.9 peratus berbanding 3.6 juta orang guna tenaga pada 2019.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/870270/100000-dalam-industri-pelancongan-hilang-kerja

13.	Sinar Harian 29 September 2021 <i>(Essential)</i>	Kelantan sasar aktiviti ekonomi berasas pelancongan 2019 kembali aktif Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) Kelantan menyasarkan aktiviti ekonomi berdasarkan pelancongan pada 2019 lalu kembali aktif, tahun hadapan. Pengarahnya, Mohd Aidil Afizie Daud berkata, aktiviti berkenaan diharapkan kembali seperti dulu namun mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang telah dikeluarkan kerajaan melibatkan kawalan penularan COVID-19.	https://www.sinarharian.com.my/article/164091/EDISI/Kelantan-sasar-aktiviti-ekonomi-berasas-pelancongan-2019-kembali-aktif
14.	Kosmo 29 September 2021 <i>(Essential)</i>	Promosi pelancongan daerah buka semula ekonomi setempat SEJAK wabak COVID-19 dikesan dan tersebar di negara ini Februari tahun lalu, seluruh rantaian ekonomi sektor pelancong negara hampir lumpuh. Perhotelan dan agensi pelancongan antara industri paling terkesan dengan 'kemunculannya'. Disebabkan pandemik itu juga, perjalanan udara merosot hampir 70 peratus ketika fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan PKP Bersyarat pada tahun lepas.	https://www.kosmo.com.my/2021/09/29/promosi-pelancongan-daerah-buka-semula-ekonomi-setempat/
15.	Astro Awani 29 September 2021 <i>(Essential)</i>	Rentas negeri hanya melancong ke Langkawi – MOTAC Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menegaskan bahawa kebenaran rentas negeri untuk aktiviti	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/rentas-negeri-hanya-melancong-ke-langkawi-motac-322470

	<p>pelancongan hanya dibenarkan melalui Gelembung Pelancongan Langkawi buat masa kini. Menerusi satu kenyataan, MOTAC memaklumkan kebenaran itu masih tertakluk kepada prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN).</p> <p>"Sementara itu, pelancong domestik adalah dibenarkan untuk melakukan aktiviti pelancongan Intra-State (dalam negeri yang sama) bagi negeri-negeri yang berada dalam Fasa 2 dan ke atas berdasarkan Pelan Pemulihan Negara (PPN).</p>	
--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Untuk mendorong pemilik perniagaan runcit baru dan sedia ada bagi menyertai e-dagang dan digitalisasi, Start It Up, Laz It Up akan memberi hadiah kepada seorang penerima bertuah bernilai US \$10,000 untuk membantu memulakan perniagaan mereka di Lazada sebagai persiapan festival membeli-belah mega terbesar di Lazada 11.11.
2. Sebanyak RM928 juta telah disalurkan kepada 86,181 majikan untuk terus beroperasi dan mengekalkan pengajian bagi 948,504 pekerja di bawah PSU 4.0.
3. Pandemik telah menyebabkan peningkatan dalam perniagaan kereta terpakai ekoran masyarakat agak sensitif terhadap perbelanjaan.
4. Peralihan negeri-negeri di Lembah Klang (Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor) daripada fasa 2 kepada fasa 3 mulai 1 Oktober ini.
5. Trend peningkatan harga barang agak ketara, terutamanya apabila sektor pengeluaran tidak dapat beroperasi sepenuhnya.
6. MR DIY Group Bhd akan membuka 35 kedai baru di tujuh negeri di seluruh negara pada bulan Oktober. Kedai baru akan merangkumi 14 MR DIY, tiga

MR DIY Express, enam MR TOY dan 12 MR DOLLAR, menjadikan jumlah keseluruhan kedai di seluruh kumpulan menjadi 830.

7. Ini kerana segelintir pesakit COVID-19 kategori 5 terpaksa menerima rawatan di hospital swasta sehingga dibebani dengan kos perubatan mencecah ratusan ribu ringgit.
8. *Private hospitals being singled out for allegedly overcharging, APHM president Datuk Dr Kuljit Singh said most medical equipment and medication have to be imported and payments are made at the prevailing exchange rate.*
9. Prestasi keseluruhan sektor pelancongan di semua negeri tahun lalu menurun secara ketara khususnya dari segi jumlah ketibaan pelawat dan perbelanjaan. Berdasarkan Survei Pelancongan Domestik 2020 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah ketibaan pelawat menurun sebanyak 44.9 peratus manakala, jumlah perbelanjaan pula merosot sehingga 60.8 peratus. Ketua Perangkawan Malaysia Datuk Seri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, penyusutan ini disebabkan oleh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara tahun lalu.
10. Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak telah mengumumkan bahawa lebih banyak aktiviti termasuk produk tarikan pelancongan akan dibenarkan untuk beroperasi semula berkuatkuasa 1 Oktober tertakluk kepada syarat dan SOP yang ketat. Antara aktiviti yang dibenarkan termasuk penginapan di hotel dan inap desa serta kemudahan-kemudahan dan aktiviti yang menjadi tarikan pelancong, aktiviti seni, kebudayaan dan warisan.
11. Persidangan Dewan Rakyat dihujani sesi soal jawab berhubung langkah kerajaan dalam membantu golongan yang hilang pekerjaan, terutamanya sektor pelancongan, hotel dan industri makanan dan minuman (F&B) untuk mendapat kembali pekerjaan masing-masing.
12. Berdasarkan daptan Akaun Satelit Pelancongan 2020 yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), lebih 100,000 individu dalam sektor pelancongan hilang pekerjaan tahun lalu. Melalui data tersebut, guna tenaga pelancongan pada 2020 mencatatkan seramai 3.5 juta orang, iaitu penyusutan sebanyak 2.9 peratus berbanding 3.6 juta orang guna tenaga pada 2019. Manakala, data guna tenaga dalam industri pelancongan tersebut merangkumi 34.5 peratus dalam sektor makanan dan minuman (F&B), 33.4 peratus dalam sektor peruncitan dan 17.4 peratus dalam perkhidmatan khusus pelancongan negara.
13. Kerajaan telah mengambil inisiatif menyediakan kemudahan kuarantin membabitkan 378 hotel di seluruh negara yang bersetuju dijadikan Stesen Kuarantin COVID-19 di bawah program kuarantin wajib ke atas individu

yang memasuki Malaysia dari luar negara, dengan kerjasama Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

14. Selain itu, kerajaan juga menyediakan kemudahan pusat kuarantin dan hostel sementara bagi pekerja asing sedia ada di negara ini, di bawah Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja (Akta 346) dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM).
15. Di samping itu juga, kerajaan turut menjalankan kerjasama strategik dengan pihak industri seperti Persatuan Hotel Malaysia (MAH), Persatuan Pemilik Hotel Malaysia (MAHO) serta Persatuan Konvensyen dan Pameran Malaysia (MACEOS) bagi menggunakan fasiliti hotel serta pusat konvensyen untuk dijadikan Pusat Pemberian Vaksin (PPV).
16. Malahan kerajaan turut melaksanakan pembukaan sektor pelancongan dengan Pulau Langkawi sebagai destinasi rintis gelembung perjalanan bermula 16 September 2021. Inisiatif ini memberi nafas baharu kepada pengusaha pelancongan di pulau tersebut dan dijadikan penanda aras untuk penyediaan dan memperkemas prosedur operasi standard (SOP) bagi pembukaan lebih banyak gelembung, destinasi serta aktiviti pelancongan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Penyertaan syarikat berjenama dalam jualan dalam talian yang dianjurkan oleh Lazada akan membuka ruang kepada peniaga khususnya aktiviti *non-essential* dapat membantu meningkatkan jualan dalam tempoh pelaksanaan PKP di seluruh negara.
2. Fasa 3 Pelan Pemulihan Negara bakal membantu memulihkan ekonomi daripada keadaan krisis akibat pandemik COVID-19.
3. Pihak kerajaan perlu menaiktaraf dan memerlukan kepakaran serta peralatan yang canggih bagi melancarkan proses transformasi perkhidmatan kesihatan negara supaya dapat meminimumkan kebergantungan dengan negara luar selari dengan implikasi kewangan juga dapat dikurangkan dan dimanfaatkan kepada rakyat yang kurang berkemampuan untuk mendapatkan rawatan kesihatan di swasta.
4. Pelaksanaan sekatan pergerakan bagi membendung penularan COVID-19 memberi impak langsung terhadap jumlah tenaga kerja terutama sektor pelancongan.

5. Pelbagai inisiatif telah diambil oleh kerajaan bagi menghidupkan semula aktiviti pelancongan di negara kita antaranya mewujudkan gelembung pelancongan dan pemberian vaksin secara menyeluruh kepada setiap anggota masyarakat.
6. Pengoperasian semula pusat-pusat pelancongan dan penginapan memberi dapat memulihkan semula sektor pelancongan di negara kita.

C. Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Astro Awani 29 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>China akan sumbang 1 juta lagi dos vaksin Sinovac kepada Malaysia</p> <p>China akan menyumbangkan satu juta dos vaksin COVID-19 CoronaVac (Sinovac) tambahan kepada Malaysia atas dasar persahabatan yang mendalam antara kedua-dua negara dan sesama rakyat.</p> <p>Keputusan itu disampaikan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan Menteri Luar China, Wang Yi, semasa perbualan telefon dengan Menteri Luar Datuk Saifuddin Abdullah pada Rabu.</p> <p>Kenyataan itu memaklumkan China menunjukkan solidariti dengan Malaysia dengan menyumbangkan bekalan peralatan perubatan seperti topeng pelitup muka, peralatan pelindung diri (PPE) dan ventilator, selain menghantar sepasukan pakar kesihatan dari Guangzhou untuk berkongsi pengalaman dan amalan terbaik dalam rawatan pesakit dan pengurusan data.</p>	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/china-akan-sumbang-1-juta-lagi-dos-vaksin-sinovac-kepada-malaysia-322580

Penemuan penting & isu:

1. China akan menyumbangkan satu juta dos vaksin COVID-19 CoronaVac (Sinovac) tambahan kepada Malaysia atas dasar persahabatan yang mendalam antara kedua-dua negara dan sesama rakyat. China menunjukkan solidariti dengan Malaysia dengan menyumbangkan bekalan peralatan perubatan seperti topeng pelitup muka, peralatan pelindung diri (PPE) dan ventilator, selain menghantar sepasukan pakar kesihatan dari Guangzhou untuk berkongsi pengalaman dan amalan terbaik dalam rawatan pesakit dan pengurusan data.

Maklumbalas Bahagian:

1. Nilai import kod HS 6 digit 300220 *human blood; animal blood prepared for therapeutic, prophylactic or diagnostic uses; antisera, other blood fractions and immunological products, whether or not modified or obtained by means of biotechnological processes; vaccines, toxins, cultures of micro-organisms (excluding yeasts) and similar products, vaccines for human medicine*: yang terkandung di dalamnya vaksin COVID-19 bagi Julai 2021 adalah RM792.1 juta dan mencatatkan peningkatan sebanyak RM132.1 juta atau 20.0 peratus bulan ke bulan. Antara vaksin COVID-19 yang telah diimport sehingga Julai 2021 adalah keluaran Pfizer, Sinovac, Astra Zeneca dan CanSino.

D. Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Utusan Malaysia 30 September 2021 <i>(Essential)</i>	Sektor pembinaan rugi RM42 bilion Sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula daripada 18 Mac 2020 sehingga kini, industri pembinaan dianggarkan mengalami kerugian sebanyak RM42 bilion.	https://www.utusan.com.my/terkini/2021/09/sektor-pembinaan-rugi-rm42-bilion/

Penemuan penting & isu:

1. Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof memaklumkan sebanyak RM18 bilion adalah anggaran kerugian dalam tempoh PKP 3.0 yang bermula pada 1 Jun 2021 sehingga September 2021, sementara bakinya RM24 bilion

<p>merupakan kerugian daripada pelaksanaan PKP 1.0 pada 2020 yang menjelaskan pelaksanaan kerja pembinaan daripada Mac hingga Julai 2020.</p>			
<p>Maklumbalas Bahagian:</p>			
<p>1. Kerugian sektor pembinaan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun 2020 adalah lebih tinggi berbanding kerugian dalam tempoh PKP pada tahun 2021. Sektor ini menunjukkan pemulihan daripada kesan pandemik COVID-19 dengan pertumbuhan positif 40.3% pada suku kedua 2021 selepas mencatatkan penurunan kadar pertumbuhan sebanyak 10.4% pada suku pertama 2021 dan 19.4% pada tahun 2020.</p>			
E.	Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	NST Online 28 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Brent crude price jumps above US\$80 a barrel</p> <p>The price of Brent crude oil jumped Tuesday above US\$80 for the first time in almost three years on expectations for surging demand and concerns about supplies as the world slowly emerges from the pandemic crisis. With the rollout of vaccines and easing of lockdowns this year, bets on demand for the black gold have surged, while an energy crunch in the northern hemisphere has sent natural gas prices to a seven-year high leading to a spillover into the oil market. At the same time crude stockpiles have shrunk, while increases in output by OPEC and other major producers including Russia have been unable to temper the rally in the commodity. Brent climbed 0.9 percent in morning Asian trade to US\$80.24, its highest level since October 2018. West Texas Intermediate gained 0.9 percent to US\$76.07.</p>	https://www.nst.com.my/business/2021/09/731499/brent-crude-price-jumps-above-us80-barrel

Penemuan penting & isu:

1. Harga minyak mentah dunia mengikut harga Brent melonjak pada Selasa untuk mencatatkan lebih US\$80 buat kali pertamanya dalam hampir tiga tahun berdasarkan jangkaan permintaan yang melonjak dan keimbangan bekalan setelah dunia secara perlahan-lahan kembali daripada krisis pandemik. Pelaksanaan vaksinasi dan kelonggaran *lockdown* telah meningkatkan permintaan terhadap emas hitam sementara krisis tenaga di hemisfera utara telah menyebabkan harga gas asli ke paras tertinggi dalam tujuh tahun yang membawa limpahan ke pasaran minyak. Peningkatan berlaku walaupun pemulihan ekonomi global menunjukkan tanda-tanda perlahan disebabkan oleh masalah rantaian bekalan dan keimbangan mengenai varian Delta yang menyebabkan lonjakan jangkitan di beberapa negara.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pemulihan harga minyak global dan peningkatan yang tinggi melebihi US\$80 seteng dalam tempoh tiga tahun berikutan program vaksinasi COVID-19 akan memberikan impak kepada ekonomi global. Kesan tersebut dapat dilihat pada penyusunan Statistik Imbangan Pembayaran tertutamanya komponen Barang. Pada suku tahun kedua 2021, komponen Barang mencatatkan lebih sebanyak RM40.7 bilion berbanding RM36.6 bilion pada suku sebelumnya.

F.	Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 29 September 2021 (<i>Essential</i>)	Sektor eksport pacu pemulihan ekonomi Malaysia - Moody's Analytics Prestasi perdagangan Malaysia meningkat pada bulan Ogos, disokong oleh permintaan luaran yang menggalakkan untuk cip semikonduktor serta pengukuhan harga minyak, kata Moody's Analytics. Lebihan perdagangan negara mengembang kepada RM21.4 bilion pada bulan Ogos daripada RM13.7 bilion pada bulan Julai.	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/09/870241/sektor-eksport-pacu-pemulihan-ekonomi-malaysia-moodys-analytics

		<p>Ini dipacu oleh peningkatan eksport yang menokok 18.4 peratus tahun ke tahun (y-o-y), sementara import meningkat 12.5 peratus tahun ke tahun.</p>	
2.	Berita Harian 29 September 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Pelonggaran sekatan perjalanan pulih sektor perniagaan</p> <p>Prestasi sektor perniagaan mula pulih menjelang suku kedua 2021 berikutan pelonggaran sekatan pergerakan, demikian kata Bank Negara Malaysia (BNM). Dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Pertama 2021, jumlah syarikat yang berisiko telah berkurang daripada kadar tertinggi sebelum ini yang dicatatkan pada 2020. Namun, kekal lebih tinggi daripada paras purata sebelum pandemik disebabkan oleh cabaran yang terus dihadapi oleh syarikat dalam sektor yang terjejas lebih teruk akibat sekatan pergerakan.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/09/870299/pelonggaran-sekatan-perjalanan-pulih-sektor-perniagaan-bnm
3.	Berita Harian 30 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>KWSP lulus RM20.58 bilion bayaran i-Citra</p> <p>Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sudah meluluskan 4.98 juta permohonan i-Citra setakat 31 Ogos lalu, membabitkan kadar pengeluaran berjumlah RM20.58 bilion. Menteri Kewangan, memaklumkan daripada jumlah tersebut sebanyak RM4.71 bilion atau 23 peratus daripada kadar diluluskan, sudah dikreditkan kepada pemohon. Pembayaran terakhir i-Citra adalah pada bulan Februari 2022.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/870529/kwsp-lulus-rm2058-billion-bayaran-i-citra

Penemuan penting & isu:

1. Prestasi perdagangan Malaysia meningkat pada bulan Ogos, disokong oleh permintaan luaran yang menggalakkan untuk cip semikonduktor serta pengukuhan harga minyak menurut Moody's Analytics. Lebihan perdagangan negara mengembang kepada RM21.4 bilion pada bulan Ogos daripada RM13.7 bilion pada bulan Julai. Ini dipacu oleh peningkatan eksport yang menokok 18.4 peratus tahun ke tahun, sementara import meningkat 12.5 peratus tahun ke tahun.
2. Prestasi sektor perniagaan mula pulih menjelang suku kedua 2021 berikutan pelonggaran sekatan pergerakan, menurut Bank Negara Malaysia (BNM). Berdasarkan Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Pertama 2021, jumlah syarikat yang berisiko telah berkurang daripada kadar tertinggi sebelum ini yang dicatatkan pada 2020. Namun, kekal lebih tinggi daripada paras purata sebelum pandemik disebabkan oleh cabaran yang terus dihadapi oleh syarikat dalam sektor yang terjejas lebih teruk akibat sekatan pergerakan.
3. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah meluluskan 4.98 juta permohonan i-Citra setakat 31 Ogos lalu, membabitkan kadar pengeluaran berjumlah RM20.58 bilion. Menurut Menteri Kewangan, daripada jumlah tersebut sebanyak RM4.71 bilion atau 23 peratus daripada kadar telah diluluskan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Kelonggaran sekatan perjalanan dan kebenaran sektor perniagaan beroperasi secara berperingkat mengikut fasa Pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (PPN) akan memberi impak yang positif kepada pemulihan ekonomi. Situasi ini akan mendorong kepada pemulihan sektor perniagaan dan perindustrian serta memacu semula sektor pekerjaan. Menurut Bank Negara Malaysia (BNM) prestasi sektor perniagaan dijangkakan mula pulih pada suku kedua 2021.
2. Melalui inisiatif i-Citra Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dapat memberi kemudahan kewangan tambahan kepada ahli yang terkesan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi memenuhi keperluan asas untuk kelangsungan hidup. Secara tidak langsung akan menambah pendapatan boleh guna isi rumah dalam negara.

G. Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Sinar Harian 29 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Harga RON95, diesel kekal, RON97 naik satu sen</p> <p>Harga runcit petrol RON95 dan diesel, masing-masing kekal pada kadar RM2.05 dan RM2.15 seliter manakala harga runcit petrol RON97 naik satu sen seliter kepada RM2.76 mulai 30 September hingga 6 Oktober ini.</p>	https://www.sinarharian.com.my/article/164182/BERITA/Nasional/Harga-RON95-diesel-kekal-RON97-naik-satu-sen
Penemuan penting & isu:			
<ol style="list-style-type: none"> 1. Harga runcit petrol RON95 dan diesel, masing-masing kekal pada kadar RM2.05 dan RM2.15 seliter manakala harga runcit petrol RON97 naik satu sen seliter kepada RM2.76 mulai 30 September hingga 6 Oktober 2021. KPDNHEP memaklumkan kerajaan akan terus memantau kesan perubahan harga minyak mentah dunia serta mengambil langkah bersesuaian bagi memastikan kebijakan dan kesejahteraan rakyat terus terpelihara. 			
Maklumbalas Bahagian:			
<ol style="list-style-type: none"> 1. Peningkatan harga mingguan RON97 pada minggu akhir September 2021 dijangka akan meningkatkan inflasi September 2021 terutamanya bagi kumpulan pengangkutan berikutan harga purata RON97 pada September 2020 (RM1.98) yang dijangkakan lebih rendah berbanding harga purata September 2021. 			
H. Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 30 September 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Sebanyak 208 kematian semalam</p> <p>Sejumlah 208 kes kematian akibat COVID-19 dilaporkan semalam, termasuk 120 kes tertunggak, menjadikan jumlah keseluruhan angka korban di</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/870554/sebanyak-208-kematian-semalam

		negara ini meningkat kepada 26,143 kes.	
2.	Berita Harian 30 September 2021 <i>(Non-Essential)</i>	Lebih 20 juta lengkap pelalian Seramai 20,053,472 individu atau 85.7 peratus daripada populasi dewasa di negara ini, lengkap menerima suntikan vaksin COVID-19 setakat semalam.	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/870567/lebih-20-juta-lengkap-pelalian

Penemuan penting & isu:

1. Data yang dikongsi dalam laman web COVIDNOW menunjukkan dalam tempoh 24 jam iaitu sehingga jam 11.59 malam semalam, terdapat 88 kes kematian. Selain itu, terdapat 64 kes kematian di luar fasiliti kesihatan (BID), sekaligus menjadikan jumlah pesakit COVID-19 yang meninggal dunia sebelum bantuan perubatan dapat diberikan ialah sebanyak 5,232 kes. Sementara itu, bagi jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 di negara ini, setakat ini terdapat 169,718 kes, daripada jumlah itu 82.8 peratus atau 140,598 kes sedang menjalani kuarantin wajib di rumah. Sebanyak 18,957 pesakit COVID-19 atau 11.2 peratus turut diletakkan di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC), hospital (9,185), unit rawatan rapi dan tidak memerlukan alat bantuan pernafasan (413) serta unit rawatan rapi dan memerlukan alat bantuan pernafasan (565).
2. Berdasarkan perincian yang dikongsi menerusi portal COVIDNOW hari ini, Kementerian Kesihatan memaklumkan sebanyak 94.1 peratus atau 22,017,043 individu daripada penduduk dewasa sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos suntikan vaksin. Selain itu, seramai 40,206 atau 1.3 peratus daripada populasi remaja berusia 12 hingga 17 tahun melengkapkan suntikan vaksin setakat semalam. Bagi kedua-dua populasi, sebanyak 310,661 dos suntikan vaksin turut diberikan semalam membabitkan 190,599 dos pertama dan 148,062 dos kedua, menjadikan jumlah keseluruhan pemberian dos vaksin sebanyak 43,367,580 menerusi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK). Program pelalian dilancarkan pada 24 Februari lalu bagi memberikan vaksinasi untuk membendung pandemik COVID-19 di seluruh negara.

Maklumbalas Bahagian:

1. Data kematian pada suku tahun kedua 2021 ialah:
 - Jumlah kematian pada suku tahun kedua 2021 direkodkan sebanyak 44,307 kematian, meningkat sebanyak 10.1 peratus berbanding suku tahun kedua 2020 (40,241 kematian);

- Sejumlah 25,216 kematian adalah lelaki sementara 19,091 kematian adalah perempuan;
- Sebanyak 3,898 kematian akibat COVID-19 direkodkan iaitu meningkat 78 kematian berbanding suku sama tahun lalu.
- Data juga menunjukkan kematian tertinggi akibat COVID-19 dicatatkan bagi kumpulan umur 65 hingga 69 tahun diikuti kumpulan umur 70-74 tahun.
- Selangor merekodkan bilangan kematian tertinggi akibat COVID-19 iaitu 1,236 kematian manakala Putrajaya merekodkan kematian terendah iaitu hanya empat kematian.

Sebab-sebab kematian akibat COVID-19 akan dimuatkan di Penerbitan Perangkaan Sebab Kematian.

2. Berdasarkan data pendaftaran penduduk semasa, penduduk Malaysia pada suku tahun kedua 2021 dianggarkan 32.7 juta orang, dimana kadar pertumbuhan penduduk tahunan menurun kepada 0.2 peratus. Jumlah penduduk ini merangkumi 30.0 juta orang (91.8%) warganegara dan 2.7 juta orang (8.2%) bukan warganegara. Penduduk Bukan Warganegara menunjukkan penurunan daripada 3.0 juta (2020) kepada 2.7 juta pada 2021. Penduduk tua (65 tahun dan lebih) meningkat kepada 7.4 peratus (2.3 juta) pada 2021. Umur penengah penduduk pada 2021 meningkat kepada 29.6 tahun, iaitu peningkatan sebanyak 3.3 tahun setelah satu dekad (2010-2021).

I. Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 28 September 2021 <i>(Non-Essential)</i>	Penjelasan vaksin COVID-19 perlu disampaikan kepada pelajar Penjelasan mengenai vaksin COVID-19 harus diberikan kepada remaja atau pelajar sekolah secara berterusan supaya mereka lebih prihatin mengenai Pencegahan penyakit dalam mengekang penularan wabak berkenaan terhadap golongan itu. Kaunselor di Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah perlu memainkan peranan memberi	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/869736/penjelasan-vaksin-covid-19-perlu-disampaikan-kepada-pelajar

		<p>kesedaran serta kepentingan vaksinasi kepada pelajar kerana tiada undang-undang yang mewajibkan golongan tersebut mengambil vaksin.</p> <p>Suntikan vaksin penting untuk mengekang penularan jangkitan COVID-19 sekali gus memastikan sistem pembelajaran berfungsi dengan baik. Pemberian vaksin kepada remaja adalah jalan terbaik bagi mengekang penularan jangkitan itu dalam kalangan remaja.</p>	
2.	Harian Metro 29 September 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Mahkamah khas kanak-kanak, jangan tunggu lama!</p> <p>Kerajaan digesa segera mewujudkan mahkamah khas jenayah seksual membabitkan kanak-kanak di setiap negeri bagi melindungi hak golongan itu yang menjadi mangsa jenayah.</p> <p>Mahkamah khas itu perlu diwujudkan bagi memastikan privasi golongan bawah umur dijaga dalam proses perbicaraan menuntut keadilan.</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/09/760596/mahkamah-khas-kanak-kanak-jangan-tunggu-lama
Penemuan penting & isu: <ol style="list-style-type: none"> 1. Penjelasan mengenai vaksin COVID-19 harus diberikan kepada remaja atau pelajar sekolah secara berterusan supaya mereka lebih prihatin mengenai pencegahan penyakit dalam mengekang penularan wabak COVID-19 terhadap golongan itu. 2. Kerajaan digesa segera mewujudkan mahkamah khas jenayah seksual membabitkan kanak-kanak di setiap negeri bagi melindungi hak golongan itu yang menjadi mangsa jenayah. 			

Maklumbalas Bahagian:

1. Ibu bapa harus memahami situasi pandemik ketika ini dan dapat memberikan kerjasama yang baik dengan mendaftarkan anak mereka untuk mendapatkan vaksin supaya ekosistem pendidikan Malaysia tidak terjejas. Merujuk kepada MyLocal Stats 2019, bilangan murid sekolah rendah kerajaan dan menengah kerajaan di Malaysia pada 2019 adalah masing-masing seramai 2,729,491 orang dan 2,035,698 orang.
2. Dalam keadaan pandemik ini, ramai kanak-kanak menjadi mangsa jenayah di rumah. Justeru, mewujudkan makhamah khas jenayah seksual membabitkan kanak-kanak adalah inisiatif untuk membantu golongan tersebut menuntut keadilan. Merujuk kepada Statistik Kanak-kanak 2020, anggaran bilangan kanak-kanak yang berumur 18 tahun ke bawah dan lima tahun ke bawah adalah masing-masing sebanyak 9,247.5 ribu orang dan 2,542.2 ribu orang.

J.	Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Sinar Harian 28 September 2021 <i>(Essential)</i>	Pengeluaran padi tempatan ditingkatkan kepada 75 peratus Ekoran keadaan pandemik COVID-19 yang menyebabkan sekatan sempadan negara dan kebimbangan tentang bekalan makanan dari luar, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengubah dasar tahap sara diri (SSL) padi negara dengan menetapkan peningkatan pengeluaran tempatan kepada 75 peratus menjelang lima hingga 10 tahun akan datang.	https://www.sinarharian.com.my/article/163868/BERITA/Nasional/Pengeluaran-padi-tempatan-ditingkatkan-kepada-75-peratus

Penemuan penting & isu:

1. Program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) yang sedang dibuat kementerian dijangka akan mampu meningkatkan pengeluaran padi beras negara ke tahap lebih tinggi berbanding SSL pada ketika ini iaitu 70 peratus pengeluaran dan 30 peratus.

Maklumbalas bahagian:

- Merujuk kepada penerbitan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih 2016 - 2020, padi merekodkan pengeluaran sebanyak 2,353 ribu tan metrik pada 2019 berbanding 2,639 ribu tan metrik pada 2018. Beras mencatatkan 63.0 peratus (tahun 2019) Kadar Sara Diri (SSR) berbanding 69.0 peratus pada tahun sebelumnya. Manakala import beras meningkat sebanyak 890 ribu tan metrik (tahun 2019) berbanding 776 ribu tan metrik pada 2018. Program Smart SBB merupakan salah satu langkah proaktif dalam meningkatkan pengeluaran beras di Malaysia. Peningkatan pengeluaran ini akan membantu kerajaan dari terus bergantung kepada import luar.

K.	Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Edge Market 29 September 2021 <i>(Essential)</i>	<p>MPOC: Oil palm plantations in dire need of foreign workers</p> <p>Malaysian oil palm plantations are in urgent need of foreign labour as there has been a shortage of 75,000 foreign workers since last year. There had been a freeze on the intake of foreign workers since the first movement control order (MCO) was imposed on March 18 last year.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/mpoc-oil-palm-plantations-dire-need-foreign-workers
2.	The Edge Market 29 September 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>MOSTI targets 130 researchers for every 10,000 workers in labour force, says Dr Adham</p> <p>The Science, Technology and Innovation Ministry (MOSTI) is targeting for the country to have 130 researchers for every 10,000 workers in the labour force by 2025, through the implementation of the 12th Malaysia Plan (12MP).</p> <p>Current ratio of researchers to labour force is 50:10,000, with almost 70% of the researchers serving in universities.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/mosti-targets-130-researchers-every-10000-workers-labour-force-says-dr-adham

3.	<p>Berita Harian 29 September 2021 <i>(Non-Essential)</i></p>	<p>MOTAC to ensure tourism sector creates more employment opportunities under 12MP</p> <p>The Ministry of Tourism, Arts and Culture (MOTAC) will ensure that the tourism sector chain creates more employment opportunities during the implementation period of the 12th Malaysia Plan (12MP).</p> <p>“(Employment) not only focused on the B40 group, but we also want to uplift the standard of living of the M40 group. The ministry will explore all opportunities for those living in the rural areas that have the potential to be turned into eco-tourism by providing job opportunities as local tour guides.</p>	<p>https://www.theedgemarkets.com/article/motac-ensure-tourism-sector-creates-more-employment-opportunities-under-12mp</p>
----	--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. Aktiviti perladangan kelapa sawit di Malaysia amat memerlukan guna tenaga asing berikutan terdapat kekurangan 75 ribu pekerja asing sejak tahun lalu. Hal ini disebabkan pembekuan bagi pengambilan pekerja asing bermula Perintah Kawalan Pergerakan pertama pada 18 Mac 2020.
2. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menyasarkan 130 penyelidik bagi setiap 10 ribu tenaga buruh menjelang 2025 melalui pelaksanaan Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12). Nisbah semasa merekodkan terdapat 50 penyelidik bagi setiap 10,000 tenaga buruh yang mana 70 peratus sedang berkhidmat di universiti.
3. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) akan memastikan rantaian sektor pelancongan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dalam tempoh pelaksanaan RMKe-12. Pekerjaan tidak hanya tertumpu kepada kumpulan B40, malah akan meningkatkan taraf hidup kumpulan M40. MOTAC akan meneroka peluang untuk penduduk di kawasan pedalaman yang berpotensi menjadi tempat ecopelancongan dengan menyediakan peluang pekerjaan sebagai pemandu pelancong.

Maklumbalas Bahagian:

1. Statistik utama tenaga buruh bagi bulan Julai 2021 yang diterbitkan pada 9 Ogos 2021 adalah seperti berikut:
 - i) Tenaga buruh: 16,072.9 ribu
 - ii) Penduduk bekerja: 15,294.8 ribu
 - iii) Penganggur: 778.2 ribu
 - iv) Luar tenaga buruh: 7,475.4 ribu
 - v) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.3 peratus
 - vi) Kadar pengangguran: 4.8 peratus
2. Statistik utama tenaga buruh pada ST2 2021 berdasarkan Laporan Tenaga Buruh adalah seperti berikut:
 - i) Tenaga buruh: 15,972.2 ribu
 - ii) Penduduk bekerja: 15,207.3 ribu
 - iii) Penganggur: 764.9 ribu
 - iv) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.3 peratus
 - v) Kadar pengangguran: 4.8 peratus
3. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut merupakan maklumat utama berdasarkan SGT ST2 2021:
 - i) Jawatan: 8,351.8 ribu
 - ii) Jawatan diisi: 8,173.7 ribu
 - iii) Kekosongan: 178.0 ribu
 - iv) Pewujudan jawatan: 16.18 ribu
 - v) Kadar jawatan diisi: 97.9%
 - vi) Kadar kekosongan: 2.1%
4. Statistik pekerja mengikut aktiviti utama ekonomi bagi ST2 2021 berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh adalah seperti berikut:
 - i) Pertanian: 1,886 ribu orang (Sumbangan: 12.4%)
 - ii) Perlombongan dan pengkuarian: 74 ribu orang (Sumbangan: 0.5%)
 - iii) Pembuatan: 2,577 ribu orang (Sumbangan: 16.9%)
 - iv) Pembinaan: 1,390 ribu orang (Sumbangan: 9.1%)
 - v) Perkhidmatan: 9,279 ribu orang (Sumbangan: 61.0%)
 - vi) Jumlah: 15,207 ribu orang (Sumbangan: 100.0%)